

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019

SOALAN NO. 18

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan isu bayaran kepada pengusaha pengangkutan bas sekolah bagi masyarakat Orang Asli yang tertunggak selama 5 bulan sama ada sudah dijelaskan atau belum.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kontrak Pengangkutan Pelajar Orang Asli bagi negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan, Perak/ Kedah, Pahang dan Johor tamat antara November dan Disember 2018. Walau bagaimanapun, permohonan pelanjutan kontrak ini tidak dapat dilaksanakan kerana pelaksanaan rasionalisasi agensi kerajaan pada tahun 2019 yang turut melibatkan perpindahan JAKOA ke JPM. Pelaksanaan proses migrasi JAKOA ke JPM mengambil masa sehingga April 2019. JAKOA telah diberi kelulusan oleh MOF untuk membuat pembayaran luar kontrak bagi bulan Januari hingga Mac 2019.

Manakala perkhidmatan bagi bulan April hingga Jun 2019, JAKOA telah diberikan kelulusan secara rundingan terus. Proses rundingan terus mengambil masa yang lebih panjang kerana melibatkan seramai

NO. SOALAN : 18

174 pengusaha dan faktor harga yang ditawarkan oleh pengusaha lebih tinggi dari harga anggaran jabatan. Selain itu, kelewatan turut berpunca dari perubahan spesifikasi mengikut perubahan geografi jalan, perubahan bilangan murid hadir ke sekolah setiap bulan serta pengusaha tidak memenuhi syarat-syarat spesifikasi kerajaan.

Keputusan rundingan harga tersebut telah dibawa untuk dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Jabatan Perdana Menteri dan telah diluluskan pada 2 Ogos 2019. Namun, pembayaran bagi bulan April hingga Jun 2019 tidak dapat diproses melalui sistem ePerolehan kerana tempoh perkhidmatannya telah tamat.

Selaras dengan kelulusan yang diberi, JAKOA telah memaklumkan keputusan rundingan harga tersebut untuk kelulusan akhir agensi pusat. Pada masa yang sama, JAKOA turut memohon kelulusan pembayaran khas melalui sistem iGFMAS oleh kerana tempoh perkhidmatan ini yang telah tamat. Permohonan ini adalah selaras dengan peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa.

Pihak JAKOA telah selesai membuat pembayaran bagi bulan April hingga Jun 2019 kepada 174 orang pengusaha secara berperingkat sehingga 4 September 2019 melibatkan 484 bil/ tuntutan. Pihak JAKOA sentiasa komited dalam memastikan kebajikan masyarakat Orang Asli terpelihara.

Sekian, terima kasih.